

02/09/1997

Agong ucap tahniah kepada pemimpin Vietnam

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Vietnam, Le Duc Anh sempena hari kebangsaan negara itu esok.

Dalam perutusan itu, Seri Paduka berharap hubungan persahabatan yang rapat antara rakyat kedua-dua negara akan terus kukuh dan berkembang pada masa depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula dalam perutusan kepada rakan sejawatnya Vo Van Kiet, berkata beliau gembira kerana hubungan antara Malaysia dan Vietnam semakin baik dan kerjasama antara rakyat kedua-dua negara dalam bidang perdagangan dan ekonomi adalah memuaskan.

"Saya berharap lebih banyak kerjasama antara rakyat kedua-dua negara akan wujud pada masa depan yang dapat memberikan lebih banyak faedah dan kemakmuran kepada kedua-dua negara," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan kepada Menteri Luar Vietnam Nguyen Manh Cam, yakin hubungan rapat kedua-dua negara akan dapat diperkukuh dan diperluaskan lagi pada masa depan. - Bernama

(END)